

Headline	USM cipta perisian e-Faraid		
MediaTitle	Berita Harian		
Date	01 Sep 2012	Color	Full Color
Section	Nasional	Circulation	192,982
Page No	20	Readership	1,521,000
Language	Malay	ArticleSize	381 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 12,850
Frequency	Daily	PR Value	RM 38,549



USM cipta perisian e-Faraid

» Dapat
selesaikan
pengagihan
harta pusaka
secara Islam

Oleh Syed Ismail
Syed Abu Bakar

bhnews@bharian.com.my

► Georgetown

Penyelidik Universiti Sains Malaysia (USM) berjaya membangunkan perisian penyelesaian masalah pengagihan harta pusaka secara Islam dengan mudah dan cepat, dipanggil Sistem Maklumat Faraid Berkomputer (e-Faraid).

Sistem yang boleh digunakan melalui enjin carian internet akan menunjukkan laman maklumat berkaitan waris, carta, kadar pembahagian setiap ahli selain nama si mati, tarikh kematian, jantina, bilangan waris dan rekod harta.

Ia yang dibangunkan hasil penyelidikan Prof Madya Ahmad Abd Majid dan Prof Madya Abdul Rani Mat Piah dari Pusat Pengajian Sains Matematik bersama Prof Abdullah Embong dari Pusat Pengajian Sains Komputer, turut disusuli versi terkini sistem e-Faraid 5.

Terdapat lima ciri

Sistem e-Faraid 5 mempunyai ciri dan perubahan ketara pada paparan laman muka baru yang membolehkan peng-

guna lebih memahami dengan memastikan maklumat lebih tampak dan senang dicapai selain cara pemprosesan dan penyimpanan maklumat serta modul laporan yang dinamik.

Ahmad berkata, sistem yang boleh dicapai menggunakan mana-mana enjin carian internet itu mempunyai dua versi bahasa iaitu bahasa Malaysia dan Inggeris dengan pengguna hanya perlu memasukkan maklumat waris, klik pada bahagian pengiraan dan dalam tempoh singkat, pembahagian faraid selesai dilakukan.

“Sekiranya ahli waris mempunyai harta sama ada harta alih atau harta teralih, mereka cuma perlu masukkan jumlah harta ahli dan sistem ini akan mengira pembahagian kepada setiap ahli waris yang layak.


“Bagi mendapatkan maklumat harta teralih seperti keluasan tanah, pengguna ha-

nya perlu memasukkan berapa luas tanah dan seterusnya masukkan nama waris sebelum sistem ini memberi maklumat secara teliti berhubung pembahagian setiap bahagian tanah yang difaraidkan,” katanya.

Beliau berkata, pihaknya mendapati sekurang-kurangnya dua atau tiga permasalahan berkaitan masalah faraid termasuk pengiraan dan masalah berlapis direkodkan setiap hari, namun masih ramai tidak tahu keberkesanan sistem itu yang ternyata mampu melakukan pengiraan lebih cepat dan menyokong pengiraan lebih besar bagi kes lebih kompleks.

Sistem digunakan hampir keseluruhan agensi agama termasuk universiti di negara ini, boleh diperolehi melalui USAINS Holdings di USM dengan harga pakej RM2,500 seunit. Untuk maklumat lanjut, layari <http://maths.usm.my/faraid>.

Headline	USM cipta perisian e-Faraid		
MediaTitle	Berita Harian		
Date	01 Sep 2012	Color	Full Color
Section	Nasional	Circulation	192,982
Page No	20	Readership	1,521,000
Language	Malay	ArticleSize	381 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 12,850
Frequency	Daily	PR Value	RM 38,549



Ahmad menunjukkan paparan laman utama internet **E-Faraid** bagi penyelesaian harta pusaka.

[FOTO SYED ISMAIL SYED ABU BAKAR/BH]

“Sekiranya ahli waris mempunyai harta sama ada harta alih atau harta teralih, mereka cuma perlu masukkan jumlah harta ahli dan sistem ini akan mengira pembahagian kepada setiap ahli waris yang layak.”

Prof Madya Ahmad Abd Majid,
Penyelidik Universiti Sains Malaysia